

8 MAR 1996

Mahathir-Petronas

PENGELUARAN DI TELAGA MINYAK PETRONAS DI VIETNAM DIMULAKAN TAHUN DEPAN

Oleh: Zainoor Sulaiman

HANOI, 8 Mac (Bernama) -- Petronas Carigali dijangka memulakan pengeluaran sebanyak 9,500 tong minyak sehari dari kawasan Ruby kira-kira 160 km dari selatan pantai Vietnam menjelang akhir tahun depan.

Presiden Petronas Datuk Mohamad Hassan Merican hari ini berkata pembangunan di kawasan Ruby akan dijalankan dalam dua fasa dan pembangunan fasa pertama dimulakan akhir tahun ini.

Beliau memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sebelum itu merasmikan pembukaan Pejabat Perwakilan Petronas di sini.

Apabila pembangunan Fasa Kedua siap pada tahun 2003, kawasan itu dijangka mengeluarkan 85,000 tong sehari, katanya.

Kawasan Ruby dianggarkan mempunyai simpanan 200 juta tong minyak, katanya.

Pembabitan Petronas di Vietnam bermula pada tahun 1991 menerusi anak syarikatnya Petronas Carigali Overseas Sdn Bhd (PCOSB) dengan penandatanganan kontrak perkongsian pengeluaran (PSC) bagi faedah 100 peratus dalam Blok 01 dan 02.

Blok-blok itu, yang meliputi kawasan seluas 12,500 km persegi, terletak berhampiran pantai di selatan Vietnam, kira-kira 160 km dari bandar Vung Tau.

Mohamad Hassan berkata pembabitan Petronas ke dalam industri petroleum Vietnam merupakan sebahagian daripada strategi globalisasinya bertujuan mewujudkan nilai yang lebih tinggi dan untuk memastikan pertumbuhan mampan.

"Langkah itu juga selaras dengan komitmen perbadanan itu dan juga Malaysia untuk memainkan peranan yang efektif dalam pembangunan Vietnam, terutama industri petroleumnya, menerusi perkongsian kepakaran, pengalaman, pemindahan teknologi dan latihan," katanya.

Sehingga kini, Petronas telah memberi komitmen untuk melaburkan lebih AS\$400 juta (RM1 bilion) dalam sektor hulu dan hiliran di Vietnam.

Petronas juga merupakan rakan kongsi dalam pembangunan telaga minyak Dai Hung di kawasan Blok 05-1 di Lembangan Con Son, kira-kira 250 km tenggara Vung Tau.

PSC itu ditandatangani pada 15 April, 1993 dengan Petronas memiliki 20 peratus ekuiti. Rakan kongsi yang lain bagi projek Dai Hung itu ialah Broken Hill Petroleum Proprietary (43.75 peratus), Petro Vietnam (15 peratus), Sumitomo (10.625 peratus) dan Total (10.025 peratus).

Pengeluaran minyak dari telaga Dai Hung bermula pada 14 Okt, 1994.

Mengenai pembangunan gas, beliau berkata Petronas telah mewujudkan satu usahasama dengan Vietgas, badan pemasaran Petro Vietnam, untuk membina sebuah terminal Gas Petroleum Cecair (LPG) dan kemudahan pembotolan di Hai Phong.

Syarikat usahasama itu yang dikenali sebagai Thang Long LPG Joint Venture Company dan Petronas memegang 49 peratus ekuiti. Petronas juga telah memulakan pemasaran silinder LPG di utara Vietnam, katanya.

Bersama-sama Petro Vietnam, Conoco Asia, South & Webster International Project Corporation, China Petroleum Corporation dan China Investment and Development Co.Ltd, Petronas akan menjalankan satu kajian kesesuaian mengenai projek kilang penapisan minyak Vietnam yang pertama.

Pembinaan kilang penapisan minyak itu dicadangkan di Teluk Dung Quat, 130 km selatan Danang, dengan kemampuan 130,000 tong sehari.

Terdahulu, Dr Mahathir merasmikan majlis penyempurnaan Vimas Sheraton

Hotel, yang dimajukan oleh Vimas Co.Ltd, sebuah usahasama antara Kumpulan Faber Berhad dari Malaysia dan Ho Tay Corporation. -- BERNAMA
ZS AKD